# Cadangan Kesetaraan untuk Prestasi Cemerlang Staf Akademik UNIMAS mulai Tahun 2023

| Untuk melayakkan pegawai akademik mendapat markah LNPT 85% ke atas (Cemerlang), pegawai akademik: | |
|---|---|
| 1. | Mempunyai sekurang-kurangnya **SATU (1)** Penerbitan (WOS) sebagai Penulis Utama atau *Corresponding Author* sekiranya penerbitan adalah bertaraf Q1 atau Q2;<br><br>**ATAU** |
| 2. | Mempunyai sekurang-kurangnya **DUA (2)** Penerbitan (WOS/SCOPUS/ESCI* sahaja) sebagai **Penulis Utama** atau** ***Corresponding Author***;<br><br>**ATAU** |
| 3. | Dalam bidang Seni dan yang berkaitan, boleh menggunakan produk pensetaraan berdasarkan kategori penerbitan karya kreatif penerbitan lain – FSGK & FAB sahaja.<br><br>**ATAU** |

# Cadangan Kesetaraan untuk Prestasi Cemerlang Staf Akademik UNIMAS mulai Tahun 2023

## Untuk melayakkan pegawai akademik mendapat markah LNPT 85% ke atas (Cemerlang), pegawai akademik (Samb.):

4. Mempunyai sekurang-kurangnya **SATU (1)** Penerbitan (WOS/SCOPUS/ESCI* sahaja) sebagai **Penulis Utama** atau *Corresponding Author* DAN** mana-mana satu yang berikut:

a) Menerbitkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** buku **/ DUA (2)** bab dalam buku dalam bidang berkaitan yang diterbitkan oleh penerbit yang diiktiraf;
b) Menerbitkan MOOC yang lengkap pada tahun semasa;
c) Menghasilkan **SATU (1)** kertas polisi / Garis Panduan di peringkat kebangsaan pada tahun dinilai;
d) Memperolehi sekurang-kurangnya **SATU (1)** geran penyelidikan di peringkat universiti / kebangsaan / antarabangsa;
e) Menghasilkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** produk hasil penyelidikan / paten yang telah diluluskan / harta intelek yang telah diluluskan;
f) Mengkomersialkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** produk hasil penyelidikan;
g) Memenangi pingat dalam pameran penyelidikan yang diiktiraf;
h) Menghasilkan sekurang-kurangnya **SATU (1)** artikel bagi penerbitan dalam Badan Profesional;
i) Dilantik sebagai pakar industri, pemeriksa, penilai luar, penasihat akademik, pengadil atau terlibat dalam khidmat perundingan;
j) Dilantik sebagai Editor jurnal berindeks atau Penilai luar kenaikan pangkat atau Pemeriksa tesis (atau Penilai jurnal berindeks / Penilai manuskrip buku / Pemeriksa Klinikal (MMed / MPath / MDent / Msurg);
k) Dilantik sebagai *Keynote Speaker / Invited Speaker* peringkat kebangsaan / antarabangsa;
l) Dilantik sebagai Pengerusi / Ahli jawatankuasa dalam penubuhan program atau silibus baharu atau semakan kurikulum;
m) Dilantik sebagai Pengerusi / Ahli jawatankuasa dalam persidangan peringkat kebangsaan / antarabangsa;
n) Menggraduatkan sekurang-kurangnya **seorang (1)** pelajar siswazah;
o) Menganjurkan jalinan komuniti (*community engagement*) sebagai ketua; **dan**
p) Menguruskan sekurang-kurangnya **SATU (1)** program mobiliti pelajar (*inbound/outbound*).

Nota:
* Hanya WOS, SCOPUS dan ESCI sahaja. ERA tidak diambilkira
** Penulis Utama merujuk sebagai penulis utama di UNIMAS.

# Penerbitan Akademik – Penerbitan Lain (FSGK & FAB sahaja)

## A) MUZIK

<table>
<tr><th rowspan="3">Kriteria Penilaian</th><th rowspan="3">Butiran Penerbitan</th><th colspan="4">Pemarkahan</th></tr>
<tr><th colspan="2">Antarabangsa</th><th colspan="2">Kebangsaan</th></tr>
<tr><th>Utama</th><th>Bersama</th><th>Utama</th><th>Bersama</th></tr>
<tr><td>Gubahan Muzik<br>1 atau lebih persembahan karya muzik bersama skor yang diiktiraf.</td><td rowspan="4">a) Nama Gubahan / Komposisi/ Produksi Seni / Persembahan/ Produksi Muzik<br>b) Tahun penerbitan<br>c) Dokumentasi penulisan / penerbitan dengan ISSN / ISBN / IP<br>d) Peringkat penganjuran dan tahap penglibatan</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
<tr><td>Komposisi Muzik<br>1 atau lebih komposisi muzik karya asli yang diiktiraf.</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
<tr><td>Pengurusan Produksi Muzik<br>1 atau lebih produksi muzik karya asli dalam 1 persembahan umum yang diiktiraf.</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
<tr><td>Persembahan Muzik<br>3 atau lebih persembahan muzik yang diiktiraf.</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
</table>

# Penerbitan Akademik – Penerbitan Lain (FSGK & FAB sahaja)

## B) DRAMA DAN TEATER

| Kriteria Penilaian | Butiran Penerbitan | Pemarkahan | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Antarabangsa | | Kebangsaan | |
| | | Utama | Bersama | Utama | Bersama |
| **Penulisan Skrip Drama dan Teater**<br>1 penulisan skrip karya asli atau olahan semula yang diiktiraf. Hasil penulisan skrip untuk persembahan Drama/teater bagi jangkamasa lebih 45 minit. | a) Tajuk naskah asli / olahan / Persembahan/ Produksi Drama dan Teater<br>b) Tahun penerbitan<br>c) Dokumentasi penulisan / persembahan / penerbitan dengan ISSN / ISBN / IP<br>d) Peringkat penganjuran dan tahap penglibatan | 6 | | 2 | |
| **Persembahan & Produksi Drama dan Teater**<br>1 produksi seni persembahan daripada karya asli atau olahan semula untuk 1 pementasan umum yang diiktiraf. | | 6 | | 2 | |

## C) FILEM, VIDEO DAN TV

| Kriteria Penilaian | Butiran Penerbitan | Pemarkahan | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | Antarabangsa | | Kebangsaan | |
| | | Utama | Bersama | Utama | Bersama |
| **Produksi Filem / Video / TV**<br>1 produksi filem / video / TV karya asli yang diiktiraf. Karya asli hendaklah berdurasi tidak kurang 30 minit setiap kali produksi dan terlibat sebagai pengarah, pengarah artistik atau penyunting. | a) Tajuk Produksi Filem / Video / TV / Karya Asli / Penulisan Skrip<br>b) Tahun penerbitan<br>c) Dokumentasi penulisan / persembahan / penerbitan dengan ISSN / ISBN / IP<br>d) Peringkat penganjuran dan tahap penglibatan | 6 | | 2 | |
| **Penulisan Skrip Filem / Video / TV**<br>1 penulisan skrip karya asli untuk 1 penerbitan yang diiktiraf. | | 6 | | 2 | |

# Penerbitan Akademik – Penerbitan Lain (FSGK & FAB sahaja)

## D) KARYA KREATIF

<table>
<tr><th rowspan="3">Kriteria Penilaian</th><th rowspan="3">Butiran Penerbitan</th><th colspan="4">Pemarkahan</th></tr>
<tr><th colspan="2">Antarabangsa</th><th colspan="2">Kebangsaan</th></tr>
<tr><th>Utama</th><th>Bersama</th><th>Utama</th><th>Bersama</th></tr>
<tr><td>Penghasilan Reka Bentuk Produk Kreatif<br>1 rekaan produk asli hasil penyelidikan dan dipamerkan dalam 1 pameran/expo yang diiktiraf.</td><td rowspan="4">a) Nama Rekaan Produk Kreatif / Karya Seni Visual / Khidmat Kurator / Pereka<br>b) Tahun penghasilan karya / Khidmat Kurator<br>c) Dokumentasi penulisan / penerbitan dengan ISSN / ISBN / IP<br>d) Peringkat penganjuran dan tahap penglibatan</td><td colspan="2">Gold / special award: 6<br>Silver award: 3</td><td colspan="2">Gold / special award: 4<br>Silver award: 2</td></tr>
<tr><td>Karya Kreatif Seni Visual<br>Karya seni visual asli yang dipamer di galeri yang diiktiraf dalam 1 pameran solo atau bersama. Karya Kreatif Seni Visual perlu mendapat pengiktirafan oleh panel penilai di Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif.</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
<tr><td>Kurator Pameran<br>Bertanggungjawab sebagai Kurator dalam 1 pameran seni kreatif yang diiktiraf. Perlu mempamerkan bahan bukti dari segi perancangan konsep, penulisan berkaitan kuratorship yang dibuat.</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
<tr><td>Pereka<br>Bertanggungjawab sebagai Pereka bagi menghasilkan rekaan dan cadangan konsep rekaan yang diiktiraf dalam 1 pameran / ekspo/ khidmat runding.</td><td colspan="2">6</td><td colspan="2">2</td></tr>
</table>